

26 DEC 1996

Muhammad-Wang

PM ARAH MUHAMMAD BERI LAPORAN PENUH MENGENAI RM2.4 JUTA

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib supaya mengemukakan laporan lengkap mengenai kesnya yang gagal mengisytiharkan wang bernilai RM2.4 juta di Australia.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar, selaku Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Selangor, berkata arahan itu diterima oleh Muhammad menerusi pegawai-pegawai Perdana Menteri.

Abu Hassan memberitahu pemberita di sini hari ini Muhammad, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, telah memberitahunya demikian semasa menghubunginya menerusi telefon dari Auckland, New Zealand pada awal pagi Selasa lepas.

Muhammad kini masih berada di Auckland dan sedang cuba mendapatkan tiket penerbangan untuk pulang ke tanah air seberapa segera, katanya selepas menjadi tetamu rancangan Malaysia Hari Ini TV3 di Sri Pentas.

Muhammad, yang sedang bercuti sejak Dis 16, ditahan di Lapangan Terbang Brisbane sebelum menaiki kapal terbang ke New Zealand Ahad lepas kerana didakwa gagal mengisytiharkan mata wang Malaysia, Singapura dan New Zealand bernilai RM2.4 juta yang dijumpai di dalam bagasinya.

Beliau dihadapkan ke mahkamah majistret Brisbane Isnin bagi menghadapi tuduhan di bawah Akta Laporan Transaksi Kewangan yang menyatakan setiap pelawat asing hendaklah mengisytiharkan wang yang dibawanya jika melebihi A\$5,000 (RM10,000).

Tiada pengakuan dicatatkan dan Muhammad, yang mengikat jamin di atas namanya sendiri, dikehendaki menghadiri mahkamah pada 21 Mac.

Abu Hassan berkata Muhammad sedang menyiapkan laporan berkenaan untuk diserahkan kepada Perdana Menteri sebaik sahaja pulang ke tanah air.

Muhammad juga memberitahu Abu Hassan bahawa beliau menyerahkan segala keputusan mengenai kedudukannya kepada Perdana Menteri.

"Jadi ... saya percaya apa saja keputusan yang akan dibuat oleh Perdana Menteri berdasarkan laporan yang diberi oleh Tan Sri Muhammad," kata Abu Hassan.

Katanya Muhammad mahupun Badan Perhubungan Umno belum dapat menghubungi Perdana Menteri secara terus mengenai perkara itu dan hanya mendapat arahan melalui pegawai-pegawai beliau.

Abu Hassan berkata Perhubungan Umno Selangor juga sedang berusaha untuk berjumpa dengan Perdana Menteri mengenai kejadian itu dan menyerahkan kepadanya kenyataan bertulis mengenai pendirian badan itu terhadap perkara itu.

Abu Hassan berkata Muhammad juga telah memintanya menerangkan kejadian itu kepada pemimpin-pemimpin Umno Bahagian di Selangor.

Semalam satu pertemuan tidak rasmi dengan 17 pemimpin Umno Selangor diadakan di kediaman rasmi Speaker Undangan Negeri Selangor Datuk Onn Ismail di mana mereka telah menyatakan pendirian untuk memberikan sokongan berterusan kepada Muhammad sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri dan Menteri Besar Selangor.

Abu Hassan juga meminta anggota Umno bertenang mengenai perkara itu dan menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan mengenai perkara itu.

"Kita tahu bahawa PM mempunyai kebolehan untuk membuat keputusan yang boleh diterima oleh semua pihak," katanya.

Mengenai perasaannya berikutan peristiwa itu, Abu Hassan berkata "... kadang kala kita tak dapat nak menyatakan berapa sedihnya, berapa kecewanya kita tapi apa yang kita boleh buat ialah ... bertenang dan tidak boleh tergapoh gapah."

Beliau juga mengingatkan anggota Umno dan para pelabur bahawa dasar dan kestabilan kerajaan Selangor tidak terjejas berikutan kejadian tersebut.

"Yang penting sekali ialah...Tan Sri Muhammad masih lagi jadi Menteri Besar dan oleh demikian dasar kerajaan selangor akan diteruskan terutamanya dalam usaha menjadikan negeri Selangor negeri maju dalam tahun 2005," katanya.

Beliau juga berkata pihak pelabur yang terlibat dengan pelbagai pembangunan penting di negeri itu juga tidak perlu bimbang dan diharapkan dapat meneruskan usaha pelaburan dan pembangunan negeri Selangor.

Abu Hassan juga berkata Muhammad mengakui wang bernilai RM2.4 juta yang ditahan oleh Polis Persekutuan Australia Isnin lepas adalah miliknya.

Ditanya sama ada kejadian itu ada kena mengena dengan hubungan Malaysia-Australia, Abu Hassan yang juga pemangku Menteri Luar berkata beliau tidak merasa demikian dan menganggapnya satu kes berasingan.

Bagaimanapun beliau telah meminta Kementerian Luar Australia memberi satu laporan lengkap mengenai kejadian itu kepada Wisma Putra, kata beliau.

Sementara itu, jurucakap pejabat Menteri Besar dalam satu kenyataan berkata Muhammad tidak menyatakan wang tersebut adalah miliknya dalam perbualan telefon dengan Abu Hassan.

"Kita berharap penjelasan ini dapat menjernihkan kekeliruan yang timbul," katanya dalam kenyataan dua perenggan kepada Bernama.--BERNAMA WAT